



## 1002 KEPRIHATINAN PENGURUSAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR TERHADAP GOLONGAN ORANG KELAINAN UPAYA

Marlon Pontino Guleng & Nurul Jannatul Idayu Binti Hassan

yusufmarlon@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### Abstrak

*Orang Kelainan Upaya (OKU) merupakan insan yang istimewa di mana segala keperluan dan kebajikan mereka wajar dititikberatkan supaya mereka dapat terus hidup berdikari serta boleh mengembangkan bakat dan potensi diri mereka. Di samping itu, golongan ini perlu diberi perhatian sewajarnya agar mereka tidak terasa diabaikan dan dipinggirkan kerana salah satu punca tekanan utama dalam hidup golongan OKU ini adalah disebabkan oleh sikap negatif masyarakat terhadap mereka. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti halangan dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini di KUIS, mengkaji keprihatinan pihak pengurusan KUIS dalam menyediakan kemudahan asas kepada orang kelainan upaya (OKU) serta menganalisis tahap kesedaran yang diambil oleh pihak pengurusan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor terhadap orang kelainan upaya (OKU). Metodologi kajian yang dijalankan adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah temubual terhadap 5 orang responden di mana 3 orang pelajar OKU, seorang pihak Pengurusan BPM dan seorang pihak pengurusan BKPM. Antara hasil dapatan kajian ialah pihak pengurusan juga telah menyediakan beberapa kemudahan terhadap golongan OKU di KUIS ini di mana itu merupakan salah satu keprihatinan yang telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan KUIS. Selain itu, hasil dapatan kajian mengenai tahap kesedaran terhadap pengurusan golongan OKU di KUIS masih lagi dalam tahap kurang memuaskan di mana tidak semua pihak mengambil cakna atau perhatian mengenai golongan minoriti ini.*

**Kata Kunci:** Keprihatinan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Orang Kelainan Upaya

### 1. PENDAHULUAN

Orang Kelainan Upaya (OKU) merupakan insan istimewa. Segala keperluan dan kebajikan mereka wajar dititikberatkan supaya mereka dapat terus hidup berdikari serta boleh mengembangkan bakat dan potensi diri mereka. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menganggarkan bahawa 10 peratus daripada populasi ialah OKU dan 80 peratus daripada mereka tggal di negara-negara membangun. Di Malaysia sendiri, statistik jelas mengenai bilangan OKU. Pada tahun 2008, kerajaan Malaysia telah mewartakan sebuah akta berkenaan OKU yang dikenali sebagai Akta OKU 2008.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dianggarkan bahawa bilangan Orang Kelainan Upaya (OKU).yang terdapat di Malaysia ialah 2.8 juta orang.



Namun demikian, bilangan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya dianggarkan 280 ribu orang iaitu hanya 10% sahaja daripada jumlah yang sepatutnya.

Sikap negatif terhadap OKU mempunyai hubungan dengan tingkah laku penolakan sosial dan jangkauan sosial yang tinggi terhadap mereka (Antonak et. al., 2000). Selagi masih wujud sikap negatif terhadap OKU, masyarakat masih tidak dapat menerima kehadiran mereka (Nowicki, 2006; Antonak et al, 2000) dan integrasi OKU dalam masyarakat akan tersekat (Brodwin et al, 2002; Smart, 2002).

Faktor-faktor yang dapat mengubah sikap negatif terhadap OKU adalah maklumat mengenai kumpulan ini dan hubungan secara langsung dengan mereka. Lebih banyak maklumat mengenai OKU yang diketahui oleh masyarakat, maka semakin kuranglah stereotaip yang negatif mengenai OKU dan semakin positif sikap mereka terhadap OKU. Begitu juga dengan hubungan secara langsung dengan OKU, iaitu semakin kerap masyarakat berhubung secara langsung dengan OKU semakin baik sikap mereka terhadap OKU (Mc Carthy & Campbell, 1993).

Statistik yang dipetik oleh PSPTN menyebut bahawa golongan OKU merupakan antara golongan yang masih rendah enrolmennya jika dibandingkan dengan keseluruhan enrolmen di peringkat pengajian tinggi. Pada tahun 2007, statistik bagi bilangan pelajar-pelajar kurang upaya di IPTA negara ini adalah hanya 1.1% (4,255) dari jumlah keseluruhan pelajar-pelajar IPTA iaitu seramai 382,997 orang (Kementerian Pengajian Tinggi, 2007).

Kajian yang dijalankan oleh Hasnah, Mohd Hanafi, Mohd Mokhtar dan Norasuzaini (2009) mengenai halangan dan sokongan yang dialami oleh pelajar-pelajar yang mengalami kekurangan upaya di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam tempatan melaporkan walaupun terdapat rakan rapat yang banyak membantu mereka dari segi pengangkutan dan pembelajaran, namun dari kalangan rakan-rakan sekuliah dari fakulti yang berlainan kerjasama kurang diberikan, terutama semasa proses pembelajaran.

Seawal tahun 1991, Barnes mengadakan satu kajian di pusat pengajian tinggi ke atas pelajar-pelajar kurang upaya dan mendapati bahawa majoriti kolej-kolej dan universiti-universiti di Britain tidak menyediakan akses kepada pelajar-pelajar OKU. Pusat-pusat pengajian tinggi yang terlibat juga tiada perancangan dan tidak mampu untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan untuk membuka akses kepada pelajar-pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) (Barnes, 1991).

Hall dan Tinklin (1998) melaporkan bahawa pelajar-pelajar OKU di universiti-universiti di Britain dalam tahun 1990an menerima sokongan untuk mengakses pengajian tinggi secara *ad hoc* dan perlu banyak bergantung kepada belas ikhsan staf dan pelajar-pelajar lain. Contohnya, sekumpulan pelajar tipikal akan diminta oleh pensyarah untuk membantu mengangkat pelajar OKU menaiki tangga untuk menghadiri kelas. Perkhidmatan untuk golongan ini bergantung kepada sikap, pengalaman dan pengetahuan sedia ada staf, dan bukannya kepada polisi institusi. Maka, kualiti perkhidmatan yang disediakan untuk pelajar-pelajar kurang upaya berlainan dari satu jabatan ke jabatan yang lain (Tinklin, Riddel & Wilson, 2004).

Laporan *National Committee of Inquiry into Higher Education* (NCIHE) menyeru institusi-institusi pengajian tinggi untuk membuka akses kepada pelajar-pelajar tidak kira bangsa, jantina, keupayaan dan lokasi geografi. Respon kepada laporan ini termasuklah saranan untuk menyediakan dana khas untuk pelajar-pelajar OKU, dana untuk institusi-institusi pengajian



tinggi bagi menampung usaha-usaha meningkatkan akses dan ekuiti di kampus-kampus dan melihat keperluan pelajar-pelajar OKU dalam program-program dan aktiviti-aktiviti pelajar (Tinklin, Riddel & Wilson, 2004).

Kajian juga perlu dijalankan untuk mengenal pasti cara-cara memperbaiki kualiti perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan agar pelajar-pelajar OKU di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dapat belajar dengan selesa dan selamat serta berjaya mencapai prestasi optima dalam bidang pengajian mereka.

## 2. MASALAH KAJIAN

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dianggarkan bahawa bilangan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang terdapat di Malaysia ialah 2.8 juta orang. Namun demikian, bilangan OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya dianggarkan 280 ribu orang iaitu hanya 10% sahaja daripada jumlah yang sepatutnya. Terdapat banyak kajian lepas yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu antaranya menyatakan bahawa mitos dan stereotaip negatif mengenai OKU telah melahirkan sikap prejedis yang sukar dikikis mengenai OKU dan keadaan ini akan dapat dilihat dalam bentuk sikap dan tingkah laku negatif terhadap mereka dalam konteks sosial, pendidikan dan vokasional (Rao, 2004).

Terdapat banyak kajian yang menyokong bahawa sikap negatif terhadap OKU masih wujud. OKU pula mengenal pasti sikap negatif masyarakat sebagai salah satu punca tekanan yang utama dalam kehidupan mereka (Voh, 1993).

Sikap negatif terhadap OKU mempunyai hubungan dengan tingkah laku penolakan sosial dan jangkauan sosial yang tinggi terhadap mereka (Antonak et. al., 2000). Selagi masih wujud sikap negatif terhadap OKU, masyarakat masih tidak dapat menerima kehadiran mereka (Nowicki, 2006; Antonak et al, 2000) dan integrasi OKU dalam masyarakat akan tersekat (Brodwin et al, 2002; Smart, 2002).

Kajian yang dijalankan oleh Hasnah, Mohd Hanafi, Mohd Mokhtar dan Norasuzaini (2009) mengenai halangan dan sokongan yang dialami oleh pelajar-pelajar yang mengalami kekurangan upaya di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam tempatan melaporkan walaupun terdapat rakan rapat yang banyak membantu mereka dari segi pengangkutan dan pembelajaran, namun dari kalangan rakan-rakan sekuliah dari fakulti yang berlainan kerjasama kurang diberikan, terutama semasa proses pembelajaran.

Seawal tahun 1991, Barnes mengadakan satu kajian di pusat pengajian tinggi ke atas pelajar-pelajar kurang upaya dan mendapati bahawa majoriti kolej-kolej dan universiti-universiti di Britain tidak menyediakan akses kepada pelajar-pelajar OKU. Pusat-pusat pengajian tinggi yang terlibat juga tiada perancangan dan tidak mampu untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan untuk membuka akses kepada pelajar-pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) (Barnes, 1991).

## 3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu memfokuskan kepada satu tempat atau *single case single site*. Kes yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah Keprihatinan dan Kesedaran Pengurusan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Menerusi kes ini, pengkaji dapat



menyiasat sesuatu unit sosial yang kompleks dan menyeluruh dan mendalam (Hotchock & Hudes 1995).

Kesimpulannya lima rasional pemilihan kajian kes ini. Pertama, nilai pendekatan kajian kes terbukti melalui penggunaan penyelidikan yang lain dalam penyelidikan fenomena maklum balas semasa sesi temu bual dijalankan. Kedua, pendekatan kajian kes secara kualitatif dapat mengekalkan aspek persekitaran yang sebenar dalam masa pengutipan data dan penganalisisasi berjalan. Ketiga, pendekatan ini bukan sahaja mengenal pasti dan menghuraikan kerumitan fenomena maklum balas tetapi dapat mewujudkan kefahaman tentang fenomena maklum balas mengikut kaca mata peserta kajian. Keempat, penggunaan manusia sebagai alat penyelidikan utama dapat menghasilkan kajian yang bermakna. Kelima, kaedah ini memberi peluang kepada pengkaji meneroka dan memahami persoalan kajian yang dikaji secara mendalam dan terfokus.

#### 4. TINJAUAN LITERATUR

Hasnah Toran, et. Al (2010) dalam kajiannya yang bertajuk “Pengetahuan Dan Sikap Rakan Sebaya Terhadap Pelajar Kurang Upaya Di Sebuah Ipta Di Malaysia” membincangkan isu berkaitan Sikap negatif terhadap Orang Kelainan Upaya (OKU).dikenal pasti sebagai suatu halangan kepada mereka untuk mengambil bahagian secara penuh di dalam masyarakat. Pendidikan mengenai OKU berpotensi untuk mengubah sikap dan pandangan pelajar IPT terhadap pelajar OKU. Disarankan pihak IPT memasukkan pendidikan mengenai OKU ke dalam kursus-kursus pengajian agar pengetahuan yang disampaikan bermanfaat untuk jangka masa yang panjang demi kesejahteraan OKU amnya. Jika program pendidikan ini dilaksanakan, kajian longitud wajar dijalankan untuk mengkaji sama ada langkah ini berkesan dan sikap positif terhadap OKU yang disemai terus kekal.

Norfatihah Syed Ali & Ferlis Hj. Bullare @ Bahari (2014) dalam kajiannya yang bertajuk “Peranan Integriti dalam Sistem Sokongan Orang Kurang Upaya Fizikal” membincangkan peranan integriti dalam sistem sokongan Orang Kelainan Upaya -Fizikal (OKU-F). Seramai 29 responden yang terdiri daripada golongan OKU fizikal dijadikan responden kajian. Kajian ini dijalankan di sekitar negeri Sabah dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah pengumpulan data melibatkan dua cara iaitu temubual dan pemerhatian. Protokol temubual telah dibentuk sendiri oleh kumpulan penyelidik. Dapatkan kajian kualitatif menunjukkan aspek integriti dalam sistem sokongan OKU-Fizikal mempunyai kaitan yang penting. Sistem sokongan yang dimaksudkan seperti sokongan daripada penjaga/keluarga, sokongan rakan, sokongan peralatan dan sokongan daripada institusi. Keempat-empat sokongan ini memberi pengaruh kepada kesejahteraan dan kualiti hidup OKU-F. Implikasi dan kesimpulan turut dibincangkan.

Satu lagi tesis Ijazah Sarjana yang ditulis oleh Hasnah binti Mahasan yang juga berkaitan dengan kajian Orang Kelainan Upaya. Hasnah binti Mahasan (1997) dimana kajiannya berkaitan mengenalpasti persepsi, pandangan atau tanggapan OKU terhadap penerimaan masyarakat yang terdiri dari keluarga dan golongan bukan keluarga. Secara spesifiknya, penyelidik juga ingin ingin melihat pandangan mereka mengenai diri sendiri, mengenai peluang pekerjaan, pendidikan, kemudahan yang disediakan dan persoalan pemilihan jodoh. Kajian ini juga untuk mengenalpasti sama ada responden mempunyai sikap dan pandangan positif atau sebaliknya terhadap masyarakat dan adakah pandangan tersebut mempunyai kaitan dengan sikap dan penerimaan masyarakat. Seramai 35 orang responden telah dijadikan sampel kajian. Kaedah yang digunakan



dalam kajian ini meliputi borang soal selidik, interview dan analisis dokumen. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan analisis frekuensi dan ujian. Hasil daripada analisis data, didapati responden mempunyai pandangan yang positif terhadap keluarga di samping hubungan baik dengan golongan bukan keluarga yang terdiri dari pekerja PPS, komuniti setempat dan masyarakat umum. Walaupun keseluruhan dapatkan kajian mendapati pandangan responden adalah positif tetapi ini tidak bermakna mereka senang dengan panggilan orang-orang cacat sebaliknya mereka menganggap perkataan orang Orang Kelainan Upaya lebih baik sesuai kerana sebutan dan perkataannya tidak mempunyai spelukasi negatif. Daripada kajian ini juga didapati tidak terdapat perbezaan yang bermakna di antara pandangan pelatih lelaki dengan pelatih perempuan terhadap penerimaan masyarakat. Ini kerana jumlah sampel agak kecil dan ia tidak boleh dibuat generalisasi tentang persepsi orang kurang upaya di Malaysia.

Selain itu, dalam kajian Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Norasuzaini Sujak (t tahun) yang bertajuk “Sokongan Dan Halangan Yang Dihadapi Pelajar-Pelajar Kurang Upaya Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia” membincangkan untuk mengenal pasti sokongan yang diterima dan halangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada dua orang pelajar kurang upaya penglihatan, tiga orang pelajar kurang upaya pendengaran, dan enam orang pelajar kurang upaya fizikal. Data daripada pelajar kurang upaya pendengaran dan fizikal diperolehi secara bertulis, manakala data daripada pelajar kurang upaya penglihatan diperolehi melalui temubual yang dijalankan dengan mereka. Isu-isu yang dibangkitkan oleh pelajar pelajar ini adalah dari segi kekurangan prasarana fizikal yang mesra-Orang Kurang Upaya (OKU), jurubahasa isyarat bagi pelajar kurang upaya pendengaran, komputer mesra-OKU, bantuan pencari maklumat di perpustakaan, kemudahan sistem pengangkutan mesra-OKU, kerentak birokrasi dan kekurangan empati dari segelintir warga kampus. Manakala daripada segi sokongan pula, para responden melaporkan bahawa mereka banyak bergantung dengan rakan-rakan rapat untuk membantu mereka semasa mengikuti kuliah bagi pelajar-pelajar bermasalah pendengaran dan untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat bagi pelajar bermasalah penglihatan. Untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kemudahan bagi pelajar kurang upaya di IPTA di Malaysia, di antara cadangan yang dikemukakan oleh responden kajian ini adalah usaha untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman seluruh warga kampus mengenai cabaran serta keperluan mereka, serta menubuhkan suatu badan yang boleh menyampaikan keperluan mereka kepada pihak pentadbir universiti dan mengambil tindakan yang boleh mencipta persekitaran fizikal dan sosial yang lebih positif bagi mencapai potensi optimal mereka.

Menurut Asiah Hj.Ahmad (2012) menyatakan bahawa pengalaman peribadi banyak membantu dan memberi kesedaran bahawa menangani mereka yang kurang upaya memerlukan keikhlasan dan kesabaran yang tinggi selain daripada pengetahuan dan kemahiran yang mendalam dan meluas. Ia mencelikkan diri bahawa masalah masalah setiap individu itu amatlah berbeza antara satu sama lain. Demikian juga dengan tahap pengetahuan dan didikan yang teratur dan tepat. Kesilapan dalam pengurusan mungkin akan mengakibatkan pelbagai maalah lain yang tidak disedari. Maka, buku ini dapat membantu dan memberi panduan kepada masyarakat, khususnya untuk mereka yang terlibat secara langsung mendidik orang kurang upaya dan ibu bapa yang hidup bersama-sama dengan insan yang istimewa itu.



Berdasarkan hasil penulisan yang dibuat oleh Ab Aziz Mohd Zin et al ( 2009 ) diterbitkan oleh Universiti Malaya dalam bukunya yang bertajuk Dakwah Islam terhadap Orang Kurang Upaya menyatakan keperluan menyampaikan dakwah kepada OKU sama seperti kepada orang sempurna kerana OKU juga berhak mendapatkan nikmat Islam, seperti mana golongan yang lain. Malah, golongan ini perlu diambil perhatian atas kesusahan yang dipaksa dihadapi untuk menerima dakwah berbanding dengan yang lain. Buku ini menjawab persoalan yang timbul berkaitan adakah golongan ini mempunyai tanggungjawab dan kewajipan terhadap islam sebagaimana umat islam yang sempurna sifatnya. Buku ini turut mengkaji permasalahan yang dialami oleh OKU dalam usaha mereka memahami dan mendalamai ajaran Islam sekali gus melaksanakan tuntutan agama. Selain itu, sejaoh mana pelaksanaan dakwah terhadap OKU di negara ini juga diselidiki. Hasil daripada kajian buku ini juga mendapatkan, dakwah untuk mendekati dan menerapkan ajaran Islam kepada golongan OKU ini hendaklah dilakukan dengan metode yang sesuai untuk memastikan keberkesanannya.

Menurut Azmi Shaari, Noor Hayati Che Harun, Tengku Noaswita Tengku Besar (2002 ) dalam jurnalnya yang bertajuk Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Penjaga Di Sekolah Dan Kesannya Ke Atas Pencapaian Akademik Anak Cacat Penglihatan menyatakan Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penglibatan penjaga di sekolah dan kaitannya dengan pencapaian akademik anak cacat penglihatan. Faktor lain, latar belakang penjaga adalah seperti umur, pencapaian dan bilangan tahun pendidikan, persepsi penjaga terhadap anak cacat penglihatan, persepsi penjaga terhadap sekolah serta corak polisi pentadbiran sekolah dikaji untuk melihat kaitannya dengan penglibatan penjaga di sekolah dan pencapaian akademik anak. Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tungku Abdul Malik, Alor Merah, Alor Seiar, Kedah. Seramai 32 pasangan penjaga anak cacat penglihatan yang berumur 13-19 tahun terlibat sebagai sampel kajian. Maklumat telah dikurnpulkan secara temu bual menggunakan borang soal selidik. Analisis Pekali Kolerasi Pearson telah digunakan untuk menguji hipotesis kajian. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara faktor latar belakang penjaga dan persepsi penjaga terhadap pihak sekolah dengan penglibatan penjaga di sekolah. Kajian mendapatkan hanya persepsi penjaga terhadap anak kurang upaya mempunyai perkaitan yang signifikan dengan penglibatan penjaga di sekolah. Hasil kajian ini merumuskan bahawa persepsi penjaga terhadap anak kurang upaya merupakan faktor penting yang mempengaruhi penglibatan penjaga di sekolah.

## 5. DAPATAN KAJIAN

Berikut adalah dapatan kajian terhadap respon golongan OKU mengenai keprihatinan pengurusan KUIS terhadap golongan ini.

### i. Tempat Tinggal

Majoriti responden dalam kajian ini menetap di kediaman yang telah ditetapkan oleh kampus. Responden 1 melaporkan bahawa cabaran dan halangan yang dihadapi di mahallah adalah lantai koridor yang didiaminya sangat bahaya kerana koridor itu tidak rata. Hal ini memberi ancaman kepada dirinya yang mempunyai masalah kekuranganupayaan dari segi penglihatan, kerana katanya lagi majoriti golongan ini berjalan menggunakan tongkat dan secara tidak langsung lantai merupakan sokongan untuk dia berjalan.



“Okey kalau lantai koridor kebanyakkan mahallah lelaki dia akan jadi bahaya untuk golongan oku terutama masalah penglihatan apabila waktu malamnya saya akan pakai tongkat, sekarang siang memang tak pakai tongkat, tapi kalau boleh lantai di koridor tu kena rata sebab tongkat apabila kami berjalan, kami ketuk tau. Kitaorang ketuk tongkat, apabila ketuk tongkat, tongkat akan menyesot macam ni tau (ambil tunjukkan gaya tongkat) so apabila lantai tak rata, apabila dia langkah 1, 2 sampai ke 3, kadang-kadang benda tu jadi tertinggal disebabkan permukaan jadi tak rata. Sebab tu orang kata kawasan koridor tu kena rata...” (R1: 2:25- 3:17)

### ii. Prasarana Fizikal

Berdasarkan aspek tersebut, prasaran fizikal di atas juga menjadi salah satu cabaran dan halangan golongan OKU ini di KUIS. Dimana kemudahan yang disediakan untuk OKU selain di mahallah agak kurang. Menurut R1 dan R2, laluan lantai kuning di susur gajah sudah disediakan tetapi hanya berpandukan daripada mahallah perempuan hingga masjid sahaja dan golongan ini mengharapkan pihak pengurusan perbanyakkan lagi laluan ini. berdasarkan ulasan R1:

“Yang keduanya, macam susur gajah. Memang pejalan OKU sudah ada. Kalau perasan yang lantai kuning tu yang timbul tu memang khas untuk oku. Kalau boleh certain-certain tempat tu banyakkan lagi. Contoh macam FSTM, kalau perasan dekat blok FSTM, lantai kuning tu tak ada. Susur gajah sahaja ada. Tapi tu pun dia hanya berpandukan daripada mahallah perempuan hingga masjid sahaja. So tempat lain tak ada, kalau dari segi OKU ni agak terbatas la untuk pergerakan dan perlukan bantuan. Bila dia dah buat lantai tu, paling tidak pun tak kan kita nak bergantung kepada orang normal sahaja, sekurangnya kita boleh bergerak sendiri.” (R1, 03:19-04:19)

### iii. Kewangan

Dari segi kewangan OKU ini, Kuis tidak menyediakan Elauan khas untuk golongan ini akan tetapi mereka dapat menerima Elaun OKU daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat setiap tahun sebanyak 5ribu. Akan tetapi 5ribu itu bukan bukan semua boleh buat duit saku tapi dia kena bagi kepada dua. Kiranya mahasiswa OKU ini akan mendapat RM1,800 bagi setiap semester. Walau bagaimanpun, R1 menyatakan bahawa elaun ini kalau boleh percepatkan kerana akan mengganggu perbelanjaan setiap sem.

“kalau boleh untuk duit daripada KPT tu, kalau boleh percepatkan sikit. Kitaorang dapat duit tu lambat tau. Macam saya sem lepas saya mohon bulan 1, sampai sekarang tak dapat lgi (bulan 8). Saya kena tunggu hujung sem ni baru saya akan dapat yang untuk sem lepas dengan sem ni. So kita punya perbelanjaan tahunan tu terganggu tau.”(R1:10:34-11:01)

R1 menyatakan ketidakpuasan hati berkaitan dengan Elaun daripada KPT ini. Hal ini kerana pihak KUIS tidak memaklumkan perkara tersebut kepada golongan ini. Beliau merasakan semua benda mereka kena bergerak sendiri dan sebab itu majoriti mereka ini merasakan keprihatinan pihak KUIS terhadap golongan OKU ni kurang memuaskan

“Pasal Elaun OKU daripada kementerian ni ramai je tak dapat, sebab kuis tak maklum. Macam saya tahu bukan daripada KUIS tapi daripada kabel luar. Saya dah dimaklum



berkaitan ini, kawan saya dia OKU tapi belajar tempat lain so dia maklum la dekat saya saya berkaitan ini ini ini. So saya pergi BPM, benda nya memang ada cuma dia tak maklum dan dia tak cari kami. Nak datang tak nak sudah..." (P2, 15:23-15:55)

Responden 3 juga meluahkan ketidakpuas hati apabila beliau sedikit kecewa dengan pengurusan BPM berkaitan pengurusan terhadap mahasiswa OKU. Beliau mengatakan bahawa beliau hanya menerima elauan OKU daripada KUIS ketika semester 1 dan 2 iaitu pada 2011 dan awal 2012 sahaja.

“Selepas itu, ketika ingin memohon elauan, beliau diberitahu oleh staff BPM sendiri bahawa mereka tidak boleh membantu saya utk memohon elauan dan meminta saya ‘download’ sendiri borang tersebut di web. Sesudah saya memberitahu bahawa saya tidak boleh ‘download’ borang tersebut di laman web, mereka seperti tidak amik kesah dan memberitahu saya bahawa mereka tidak boleh membantu saya untuk memohon elauan bagi semester 3-6” (R3, 03:17-03:45).

#### iv. Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Dari segi proses pengajaran dan pembelajaran, responden-responden yang mengalami masalah penglihatan banyak melaporkan halangan-halangan mereka di dalam kelas dan dewan kuliah. Mereka banyak bergantung kepada kawan untuk memberitahu mereka apa yang ditulis oleh pensyarah di hadapan. R1 mencadangkan pihak pengrusan menyediakan satu sofware untuk memudahkan mereka yang mempunyai masalah penglihatan ini untuk belajar.

“Kalau boleh sediakan satu sofware untuk memudahkan orang blind ni untuk belajar. Macam satu sofware tu, lupa nama apa. Benda tu fungsi dia apabila kita tekan button window dekat pc atau laptop, dia akan keluar kan, contoh my computer kita tekan error dia akan keluar my computer so benda tu akan cakap to my computer” (R1, 12:29-13:02)

Selain itu, R2 menyatakan KUIS ini kurang bahan atau rujukan dalam tulisan brill. Jadi mereka terpaksa mengharapkan kawan tolong mereka dari segi bahan atau rujukan untuk membuat assigment atau sebagainya.

“Bagi saya, bahan pencarian atau rujukan di KUIS untuk OKU ni kurang terutama bahan dalam tulisan brill...” (R2, 12:00-12:016)

Responden 3 pulak menyatakan dari segi belajar setakat ini tiada masalah pembelajaran kerana masalahnya lebih kepada fizikal iaitu kaki.

#### v. Layanan Staf Terhadap OKU

Dari segi layanan staf, responden-responden bermasalah penglihatan menyatakan mereka kurang berpuas hati dengan layanan staf yang diberikan kerana layanan yang diberikan sama sahaja dengan mahasiswa normal lain. Bagi responden 1 menyatakan bahawa sesetengah staf tidak menghiraukan golongan OKU ini tapi tidak semua staf memberi layanan begitu.

“Kadang-kadang layan kami buat bodoh je tapi tengok la sebab ia bergantung kepada attitude staf tu sendiri la. Ada yang ok, okey je. Ada yang jenis malas, layan kita duduk tempat dia macam tu je. Ada jee macam tu, dia duduk belakang, kita kat depan. Kita sebagai pelajar tahu adab pergi tempat orang kan, tak kan kita nak jerit-jerit kan. Kalau



nak pergi buat urusan pape dekat osc ke apa ke, kita tetap kena ambik no dan beratur macam orang lain. “ (R1, 19:34-20:32)

Selain itu, R2 juga memberi jawapan yang sama berkaitan layanan staf kepada mereka iaitu:

“Saya rasa biasa je. Layanan sama je dengan pelajar lain, tak ada beza pun. Kalau saya nak isi borang ke, kawan saya yang selalu isi borang, bukan dorang dan mana ada staf yang tolong isikan...semua kena buat sendiri”(R2, 14:57-15:10)

Di samping itu, bagi R3 pula walaupun beliau berpuas hati dengan layanan yang diberikan oleh staf tetapi terdapat beberapa staf KUIS yang tidak menghiraukan keadaan golongan OKU.

“Alhamdulillah, layanan staff kepada OKU amatlah memberangsangkan. Cumanya dari segi pengangkutan kenderaan. Ketika saya tiada sticker kenderaan (dalam tempoh permohonan), pernah sekali saya diminta untuk parking diluar walaupun telah dinyatakan bahawa saya mempunyai masalah kaki di mana tidak boleh berjalan jauh. Akan tetapi, masalah itu tidak diendahkan oleh mereka. Saya berharap mereka lebih prihatin terhadap masalah-masalah seperti itu dan memberikan sedikit kelonggaran kepada kami.” (R3, 05:00-05:25).

#### vi. Masalah Pengangkutan

Responden-reponden bermasalah penglihatan melaporkn bahawa kemudahan sistem pengangkutan di kampus bermasalah bagi mereka. Hal ini kerana, untuk menaiki bas mereka perlu menunggu agak lama dan selalu berebut dengan sahabat-sahabat lain. Internatif lain, terpaksa minta kawan-kawan belikan barang keperluan mereka. Bagi R3 pula, dari segi pengangkutan di KUIS tiada masalah baginya kerana beliau mempunyai kenderaan sendiri untuk membeli barang atau sebagainya tetapi bebrbeza dengan R1 dan R2 kerana mereka terpaksa meminta bantuan kawan-kawan untuk membeli barang harian atau barang kegunaan belajar mereka

“Selalunya minta member belikan. Nak keluar susah. Nak turun mahallah ambik masa dah,nak tunggu bas semua...”(R1, 12:28-12:37)

Walaubagaimanapun, Bahagian Pengurusan BPM menegaskan bahawa mereka langsung tidak mengenepikan golongan ini dan beliau juga nampak golongan OKU ini tidak diketepikan dari sudut keprihatinan tapi barangkali dari sudut fasiliti dimana pihak pengurusan tidak dapat menyediakan 100 peratus untuk mereka (golongan OKU) ini sebab jumlah mereka tidak ramai dan keutamaan yang diberikan bahagian pengurusan adalah untuk golongan yang ramai atau majoriti.

### 6. PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian berkaitan dengan cabaran dan halangan yang dihadapi oleh orang kelainan upaya (OKU) di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) ini adalah sangat penting supaya dapat menyalurkan maklumat mengenai segala cabaran dan halangan yang dihadapi oleh golongan OKU ini kepada pihak-pihak yang berwajib agar usaha untuk mengurangkan halangan



dan cabaran ini dapat dimulakan dengan segera. Hal ini tidak seharusnya dipandang remeh terhadap halangan dan cabaran yang golongan OKU ini hadapi sepanjang berada di KUIS.

Apa yang dapat penulis lihat dari segi cabaran dan halangan yang dihadapi oleh golongan OKU di KUIS ini sangat banyak. Dapatkan kajian menunjukkan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di mahallah oleh pihak KUIS kepada golongan OKU kurang memenuhi keperluan mahasiswa OKU. Diantara cabaran dan halangan yang dihadapi di mahallah adalah lantai koridor yang didiami oleh R1 sangat bahaya kerana koridor itu tidak rata. Hal ini memberi ancaman kepada salah seorang golongan OKU ini yang mempunyai masalah dari segi penglihatan. Selain itu, cabaran lain yang dihadapi di mahallah adalah isu air yang sering berlaku di KUIS dan hal ini memberi kesan kepada mereka terutama untuk menjalani kehidupan sebagai mahasiswa.

Di samping itu, halangan dan cabaran lain yang dihadapi oleh golongan OKU ini adalah mereka mengadu bahawa untuk memilih rakan sebilik agak susah dan mereka diminta untuk membuat surat permohonan dan mereka akui bahawa prosedur itu memakan masa yang agak lama.

Selain itu, majoriti responden yang mempunyai kekuranganupayaan fizikal dan penglihatan melaporkan supaya pihak pengurusan khususnya bahagian BKPM dapat menyediakan tandas khusus untuk OKU di mahallah kerana bagi mereka tandas yang KUIS sediakan sekarang tidak mesra OKU dan agak susah untuk mereka gunakan dalam harian. Seterusnya, golongan OKU ini mengharapkan supaya pihak pengurusan dapat memberi pengecualian kepada pelajar-pelajar OKU. Hal ini kerana, pihak BKPM tidak ada mengeluarkan memo atau notis khas tempat penyimpanan barang untuk golongan OKU tetapi hanya diberikan kepada pelajar Sabah dan Serawak sahaja.

Selain itu, cabaran dan halangan yang penulis lihat oleh golongan OKU ini adalah sesetengah golongan OKU ini mengadu mengenai isu lif di mahallah yang sering kali rosak. Hal ini menyebabkan mereka terpaksa naik ke bilik dengan menggunakan tangga dan dibantu oleh kawan-kawan.

Cabaran dan halangan yang dihadapi oleh golongan OKU selain daripada tempat tingga adalah dari segi kewangan. Hasil dapatan kajian ini, penulis dimaklumkan, setiap golongan OKU yang mempunyai lesen atau Kad OKU secara sah dan dapat menyambung pengajian peringkat IPT atau IPTS akan mendapat Elaun daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Akan tetapi, R1 menyatakan ketidakpuasan hati berkaitan dengan Elaun daripada KPT ini. Hal ini kerana pihak KUIS tidak memaklumkan perkara tersebut kepada golongan ini. Menurut R1, beliau mengetahui perkara Elaun ini bukan melalui pengurusan KUIS akan tetapi daripada kawannya belajar ditempat lain dan juga seorang OKU.

Di samping itu, Responden 3 juga meluahkan ketidakpuas hati apabila beliau sedikit kecewa dengan pengurusan BPM berkaitan pengurusan terhadap mahasiswa OKU. Beliau mengatakan bahawa beliau hanya menerima elauan OKU daripada KUIS ketika semester 1 dan 2 iaitu pada 2011 dan awal 2012 sahaja. Selpas itu, selama 2 tahun iaitu semasa semester 3 hingga 6, R3 tidak mendapat elauan tersebut daripada KUIS sedangkan pelajar itu sepatutnya memang layak mendapat elauan tersebut. Dari sudut ini, penulis dapat lihat pengurusan KUIS agak kurang mengambil perhatian dari sudut kewangan yang sepatutnya golongan ini dlayak menerimanya. Ketika R3 sambung degree di KUIS pun beliau masih tidak dapat elauan tersebut tetapi selepas



semester ke dua baru ada seorang staf membantu beliau berkaitan elaun yang sepatutnya beliau dapat.

Dari sudut proses pengajaran dan pembelajaran juga memberi halangan kepada golongan ini untuk terus belajar. Salah satunya adalah responden-responden yang mengalami masalah penglihatan banyak melaporkan halangan-halangan mereka di dalam kelas dan dewan kuliah. Mereka banyak bergantung kepada kawan untuk memberitahu mereka apa yang ditulis oleh pensyarah di hadapan. R1 mencadangkan pihak pengrusan menyediakan satu sofware untuk memudahkan mereka yang mempunyai masalah penglihatan ini untuk belajar. Mereka ini agak susah belajar kerana kalau mereka dapat masuk awal mungkin mereka boleh duduk ditempat depan akan tetapi jika sebaliknya mereka terpaksa duduk di belakang dan ini perkara ini agak susah untuk memberi perhatian di dalam kelas. Hal ini kerana mereka duduk di belakang, mereka tidak nampak dan golongan ini belajar hanya lah dengan cara mendengar sahaja.

Di samping itu, berkaitan pembelajaran ini golongan OKU yang mempunyai masalah mata banyak mengadu mengenai kekurangan yang mereka hadapi. Diantara contohnya, R2 menyatakan KUIS ini kurang bahan atau rujukan dalam tulisan brill. Jadi mereka terpaksa mengharapkan kawan tolong mereka dari segi bahan atau rujukan untuk membuat assigment atau sebagainya.

Cabarannya terakhir yang mereka alami adalah dari sudut layanan staf itu sendiri kepada golongan OKU ini. Secara keseluruhan dapatkan kajian mengenai layanan staf ini, kebanyakannya kurang berpuas hati dengan layanan yang diberikan kerana menurut R1, bahawa layanan yang diberikan sama sahaja dengan mahasiswa normal lain. Bagi responden 1 menyatakan bahawa pernah suatu ketika beliau ingin berurus di kaunter, akan tetapi mereka hanya layan endah tidak endah sahaja kepada pihak akan tetapi menurutnya tidak semua staf memberi layanan begitu.

Hasil dapatkan kajian ini turut disokong oleh Hasnah Toran et al (t.thn) menyatakan bahawa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti kurang memenuhi keperluan pelajar kurang upaya. Kebanyakannya kemudahan infrastruktur yang terdapat di kampus tidak menepati Undang-undang Kecil Bangunan Boleh Akses yang menyatakan bahawa bangunan-bangunan mestilah dibina mengikut spesifikasi mesra OKU. Lebih membimbangkan lagi, kekurangan-kekurang yang dibincangkan ini dikenal pasti menjadi ancaman kepada keselamatan pelajar-pelajar OKU di kampus.

## 7. KESIMPULAN

Hasil keseluruhan kajian mengenai keprihatin Pihak Pengurusan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Dalam Menyediakan Kemudahan Asas Kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) ini, penulis mendapati bahawa pihak pengurusan telah menyediakan beberapa kemudahan terhadap golongan OKU ini. Salah satunya adalah lorong jalan menaiki masjid. Kemudahan yang di sediakan ini khusus kepada golongan OKU yang mempunyai masalah kekuranganupayaan dari segi fizikal atau golongan yang memakai whellchair. Di samping itu, pihak pengurusan juga ada menyediakan kemudahan lain iaitu tempat tinggal khusus kepada golongan OKU. Akan tetapi berbeza apa yang dinyatakan oleh golongan OKU dimana jika golongan OKU ini hendak menetap dibilik yang sama, mereka diminta untuk buat surat setiap kali ingin masuk semester baru, perkara ini agak membebankan mereka.



Di samping itu, kemudahan dari segi tandas juga diambil perhatian oleh pihak pengurusan. Kebanyakan di setiap bangunan fakulti, pihak pengurusan telah menyediakan tandas khas untuk golongan OKU. Berkaitan perkara ini, majorit golongan OKU menyakui perkara itu akan tetapi berbeza dimahallah dimana kemudahan tandas OKU tidak ada dan golongan ini juga mengadu bahawa bayaran asrama dikenakan sama dengan orang lain tetapi kemudahan untuk OKU tidak disediakan. Akan tetapi, megenai tandas OKU di mahhalah ini telah dijawab oleh ketua BKPM iaitu Dr. Syarul iaitu pihak BKPM tidak boleh melakukan sebarang pengubahsuaian terhadap tandas kerana kolej kediaman itu sendiri adalah bukan bawah kuis sepenuhnya. Selain itu, pihak pengurusan juga ada menyediakan soalan khas untuk golongan kurang penglihatan. Keprihatinan pihak pengirisan khusus BKPM pula adalah golongan OKU boleh menyimpan barang di stor yang disediakan oleh BKPM akan tetapi perlu membuat surat permohonan. Hal ini berbeza dengan apa yang penulis dengar daripada golongan OKU ini bahawa tidak ada pemakluman atau memo yang menyatakan bahawa golongan OKU diberi pengecualian atau dibolehkan untuk menyimpan barang di stor kecuali mahasiswa yang tinggal di Sabah dan Serawak sahaja.

Selain itu, pihak BPM juga ada menyediakan tabung infaq dimana tabung itu merupakan kategori menfaat umum. Namun, selepas penulis menemubual beberapa orang golongan OKU, mereka menyatakan bahawa berkaitan faktor kewangan ini, mereka tidak mendapat sebarang maklumat mengenai tabung infaq ini kerana pihak pengurusan tidak memaklumkan apa-apa kemudahan yang mereka sepatutnya peroleh. Disamping itu juga, golongan OKU ini juga ada yang mengadu bahawa proses untuk dapat elauan daripada KPT ini sangat lambat sedangkan mereka sangat memerlukan duit tersebut untuk membeli peralatan mereka. Selain itu, berkaitan elauan KPT ini, penulis mendapati pihak pengurusan agak kurang ambik perhatian berkaitan hal ini kerana pihak pengurusan tidak memaklumkan kepada golongan ini berkaitan keistimewaan yang sepatutnya mereka perolehi tetapi pihak pengurusan lebih menggunakan konsep "kalau datang dapat, tak datang tak dapat". Ada sesetengah yang sepatutnya mereka layak dapat pun, mereka tak dapat atas alasan yang tidak sepatutnya.

Penulis juga mendapati bahawa pihak pengurusan tidak ada pernah membuat pertemuan bersama OKU secara khusus untuk membuat pemakluman mengenai keistimewaan golongan ini sepatutnya perolehi atau mendengar luahan daripada golongan ini apa yang mereka perlukan.

Hasil kajian ini juga turut disokong oleh Tinklin dan Hall (1999) telah mengenalpasti aspek persekitaran fizikal, proses kemasukan ke IPT, akses maklumat semasa pengajian dan tahap kesedaran yang rendah dikalangan kakitangan akademik dan sokongan sebagai empat faktor utama halangan kepada pelajar OKU. Kajian ini disokong oleh Reindal (1995) yang mendapati pelajar OKU menghadapi cabaran yang hebat di IPT terutamanya kepada pelajar kurang upaya fizikal dan sensori, yang menjelaskan keupayaan belajar mereka. Pelajar yang mempunyai kekurangupayaan fizikal dan penglihatan memaklumkan bahawa prasarana fizikal di IPTA menjadi penghalang kepada aktiviti sehari-hari mereka sebagai pelajar kerana kurang mesra OKU (Toran,H.,et.al,2009).

## 8. RUJUKAN

- Antonak, R.F., Livneh, H. 2000. *Measurement of attitudes towards persons with disabilities. Disability and Rehabilitation* 22: 211-224.



- Asiah Hj. Ahmad, 2012. *Mengenal Dan Menangani Orang Kurang Upaya*. Batu Caves Selangor: Concept Press Sdn. Bhd.
- Barnes, C. (1991). *Disabled people in Britain and Discrimination-a case for anti discrimination legislation*, London: Hurst & Co.
- Brodin, M.G., Orange, L.M. 2002. Attitude towards disability. Dalam J. D. Andrew & C.W. Faubion (Eds.), *Rehabilitation Services: An Introduction For The Human Services Professional*: 145-173. Osage Beach , MO: Aspen Professional Services.
- Hall, J. & Tinklin, T. (1998). *Students first: the experiences of disabled students in higher education*, Edinburgh: Scottish Council for Research in Education
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Taha & Norasuzaini Sujak. 2009. *Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian di Malaysia*, ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education Vol 1, No 2: 18-29.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Taha & Norasuzaini Sujak. 2009. *Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (2000). Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Jabatan Kebajikan Masyarakat laman web: <http://www.jkm.gov.my>, 21 Disember 2005, h. 9.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2007). Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara. [http://www.mohe.gov.my/webkpt\\_v2/transformasi.php](http://www.mohe.gov.my/webkpt_v2/transformasi.php) (5 Februari 2009).
- McCarthy, M., & Campbell, N. J. 1993. *Serving disabled students: Faculty needs and attitudes*. NASPA Journal, 30(2): 120-125.
- Norfatihah Syed Ali & Ferlis Hj. Bullare @ Bahari. 2014. *Peranan Integriti dalam Sistem Sokongan Orang Kurang Upaya Fizikal, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Hlm 2*.
- Nowicki, E. A. 2006 A cross-sectional multivariate analysis of children attitudes towards disability. Journal of Intellectual Disability Research 50: 335-34.
- Rao, S. 2004. *Faculty attitudes and students with disabilities in higher education: A Literature Review*. College Students Journal, 38, 191-198.
- Smart, J. 2002. *Disability, Society and The Individual*. U.S.A.: Pro-Ed
- Tinklin, T., Riddell, S. & Wilson, A. (2004). *Policy and provision for disabled students in higher education in Scotland and England: the current state of play*. Studies in Higher Education, 29(5), 637 – 657.
- Voh, J 1993 *On belonging:A place to stand, a gift to give in*. Dlm. Turnbull, A.P., Patterson J.A., S.K. Behr, Murphy D.L., Marquis J.G., Blue-Banning, (pnyt). Cognitive Coping, Families And Disability:151-163. Baltimore: Brookes.